

PM tegur lagi golongan Umno yang berpuak

ALUR SETAR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur golongan tertentu dalam Umno yang cuba menggolongkan anggota-anggota parti kepada puak-puak tertentu untuk kepentingan diri sendiri.*

Perdana Menteri berkata, golongan ini sebahagian besarnya adalah pembantu-pembantu pemimpin yang menggolongkan ahli-ahli Umno sebagai "orang Datuk Seri itu atau Datuk ini" semata-mata untuk menaikkan dan membantu kedudukan pemimpin masing-masing.

Bellau yang juga Presiden Umno mengingatkan tentang bahayanya sikap berpuak-puak dalam parti yang akhirnya boleh memecahbelahkan Umno sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan

demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Ke-21 Umno Bahagian Kubang Pasu di Jenan dekat Inl.

Bellau ialah Ketua Bahagian itu.

Perdana Menteri selanjutnya menegaskan bahawa bellau tidak mempunyai 'puak' dalam Umno dan bersedia membantu sesama sahaja selagi permintaan itu munasabah.

Bellau kesal kerana ada tuduhan yang menyatakan bellau telah memberi kemudahan hanya untuk sahabat-sahabatnya sahaja. "Semua rakyat negara ini adalah sahabat saya," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian menyeru seluruh anggota Umno terutama para pemimpin supaya tidak boros berbelanja, sebaliknya lebih berjimat cermat.

Bellau juga meminta Umno di peringkat bahagian dan cawangan di seluruh negara supaya tidak bergantung kepada pihak luar untuk mendapatkan sumbangan kewangan bagi menjalankan kegiatannya.

"Kita harus bergantung kepada diri kita

sendiri dan tidak diblayai oleh orang lain," tegasnya lagi.

Bellau mengingatkan, jika kita terlalu banyak bergantung kepada orang lain, ia boleh menyebabkan para pemimpin Umno menjadi "lupa daratan" dan melemahkan perjuangan parti.

Datuk Seri Dr Mahathir juga membayangkan bahawa peralihan puak pimpinan sebuah parti pembangkang di negara ini tidak menjamin tidak ada perbalahan dalam parti itu di masa akan datang.

Perdana Menteri menegaskan bahawa peralihan puak pimpinan parti itu dibuat dengan cara iktik ketor untuk menjatuhkan kepemimpinan lama.

Katanya, kepemimpinan baru itu juga akan jatuh kerana "cara yang ketor akan membawa kesan yang ketor kepada diri sendiri".

Walaupun bellau tidak menyebut nama parti itu, tetapi umum berpendapat tegurannya ialah terhadap Pas.

Bellau berkata, apa yang berlaku dalam parti itu sekarang ialah satu perjuangan untuk merebut kepemimpinan parti.

"Pemimpin-pemimpin baru parti itu sebelum ini berpendapat kegagalannya mereka dahulu ialah disebabkan susunan pentadbiran tidak sesuai, kononnya kerana kepemimpinan parti diletakkan di bawah satu jawatankuasa tertinggi.

"Mereka berpendapat Dewan Ulama sepatutnya mempunyai kata pemutus dan bukan jawatankuasa tertinggi.

"Jika dianalisa, pendapat ini tidak berasaskan kepada agama atau Islam atau kedudukan ulama dalam masyarakat Islam," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, pada masa itu mereka mahu supaya Dewan Ulama menjadi orang menentukan segala-galanya, tetapi kini mereka sudah mementang teraju parti.

Bellau berkata, perbalahan akan timbul apabila pemimpin-pemimpin baru ini tidak senang hati dengan tindak tanduk golongan ulama.

Oleh itu, katanya, tidak hairan jika pemimpin-pemimpin baru yang jinak dan boleh mengikut arahan kerana mereka tidak akan mahu melihat kumpulan ulama yang berkuasa dalam parti.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia